

TRIO Impian Perangsang Selangor 2016

Terokai bakat sepak takraw

OLEH AFIX REDZUAN

SEPANG - Siri ketiga program pembangunan sepak takraw TRIO Impian Perangsang Selangor 2016 bagi daerah Sepang berjaya menarik hampir 80 peserta seawal 12 hingga 60 tahun, pada 24 dan 25 Disember lalu.

Program dimulakan dengan simulasi perlawanan liga 13 regu bertujuan merapatkan ukhuwah antara peserta selain menguji keserasian regu.

Kelab Sepak takraw Salak (KESS) di-

pilih sebagai gelanggang tumpuan bagi Sepang, sekali gus bertanggungjawab meneruskan program pembangunan itu demi merealisasikan impian mengangkat kembali Selangor dalam arena sepak takraw kebangsaan.

Ia dikendalikan sepenuhnya ketua jurulatih yang juga tenaga pengendali Sekolah Sukan Selangor, Seksyen 11, Shah Alam, Syarudin Nazir dengan dibantu pembimbing MSSD Sepang, Najib Hussin dan bekas apit kiri skuad negara, Mohd Hafizie Manap.



“Saya amat gembira diberi peluang berkongsi pengalaman secara langsung dengan bakat berpotensi, sekali gus merangsang mereka mengharumkan nama negara, pada masa akan datang,” kata Hafizie.

Dalam program itu, beberapa bakat muda berpotensi besar seperti Firdaus

Abdulnan, 21, yang beraksi di posisi apit kanan dikesan, malahan video beliau beraksi dimuat naik ke laman sosial mencapai tontonan melebihi 30,000 hanya dalam tempoh kurang 24 jam.

Kepada yang berminat dengan program itu boleh melayari www.bolarotan.com atau ke Facebook Bolarotan.